UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

Prof. Dr. Mohammad bin Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Rujukan: UKM.JCN.600-5/1/1**
**Tarikh: 31 Mei 2021**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 18/2021**

**Semua Dekan/Pengarah**
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 1 JUN 2021 – SEMPENA PERAYAAN HARI GAWAI**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan Perayaan Hari Gawai yang akan disambut pada 1 Jun 2021.

2. Bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, pihak Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia bersetuju bahawa pelajar yang berasal dari negeri Sarawak diberi pelepasan seperti berikut pada 1 Jun 2021 bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut:
:

i. Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti P&P; dan
ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian .

3. Sehubungan itu, pihak universiti turut mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Keamatan' kepada pelajar yang berasal dari negeri Sabah yang disambut pada hari Ahad yang lalu.

Pihak universiti juga mengingatkan pelajar agar tidak berkumpul dan mematuhi SOP PKP 3.0 bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**'Selamat Menyambut Hari Gawai'**

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

s.k.: - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UKM

- Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar), UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, ROSH-UKM (Merangkap Pengerusi JK Tindakan Krisis UKM: Penyakit Berjangkit)
- Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik, UKM